



MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

The Observer

28.07.2023

❖ **Manfaatkan kuasa perhubungan pelabur untuk membuat keputusan termaklum**

Sekilas pandang, Bursa Malaysia Berhad baru-baru ini telah mengambil alih peranan Persatuan Perhubungan Pelabur Malaysia (*Malaysian Investor Relations Association, MIRA*). Langkah ini adalah bukti bahawa Bursa mengakui keperluan untuk meningkatkan lagi keterlihatan dan kebolehcapaian syarikat awam tersenarai (*public limited companies, PLC*) kepada komuniti pelaburan menerusi penglibatan perhubungan pelabur (*investor relations, IR*) yang lebih aktif.

Langkah ini juga selari dengan objektif Bursa Malaysia untuk menjadi satu-satunya sumber rujukan untuk semua perkara berkaitan IR, sekali gus mengelakkan kelewahan dan pertindihan fungsi. Berikut itu, MIRA yang memulakan operasinya pada tahun 2007, telah dihentikan berkuat kuasa 1 Julai 2023.

Tambahan pula, Bursa Malaysia telah meningkatkan peranan advokasinya selama bertahun-tahun, melangkaui peranannya sebagai pengawal selia dan pempengaruh pasaran. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, Bursa telah menerajui beberapa inisiatif untuk meningkatkan keterlihatan dan kebolehcapaian PLC kepada komuniti pelaburan melalui penglibatan IR yang lebih aktif.

Membina kepercayaan pelabur

Memetik kata-kata Ketua Pegawai Eksekutif (*Chief Executive Officer, CEO*) Bursa Malaysia, Datuk Muhamad Umar Swift, IR adalah fungsi strategik yang penting untuk menyampaikan prestasi dan rancangan pertumbuhan PLC dengan cara yang menarik dan boleh dipercayai.

"(Melihat dari sudut peranannya), Bursa komited untuk terus menyediakan PLC dan pengamal IR dengan pengetahuan, latihan atau bengkel yang diperlukan serta sumber lain yang penting bagi memastikan penglibatan yang berkesan dengan pemegang saham dan pemegang kepentingan yang lebih luas," ujar beliau dengan penuh semangat.

"Mulai Julai 2023 dan seterusnya, pengamal atau profesional IR dalam PLC yang disenaraikan di Bursa Malaysia – termasuk bekas ahli MIRA – boleh mendapatkan sokongan dan bimbingan untuk pembinaan kapasiti selanjutnya daripada Bursa bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka."

Secara ringkasnya, IR merupakan platform yang penting bagi syarikat untuk menyediakan maklumat yang telus dan tepat kepada penganalisis, pelabur dan orang awam. IR membantu komuniti pelaburan membangunkan pemahaman yang menyeluruh tentang sesbuah PLC dan strateginya.

Tambahan pula, melalui IR yang berkesan, sesebuah syarikat boleh membantu mencapai penilaian pasaran yang adil untuk sahamnya, mewujudkan kumpulan sokongan pelabur serta memupuk suasana dengan pendapat yang menggalakkan. Ini akan menghasilkan kumpulan asas pemegang saham yang setia yang memberikan keupayaan kepada PLC untuk melaksanakan langkah pengurusan modalnya dengan yakin. Pada kemuncaknya, ini akan dicerminkan dalam permintaan untuk saham syarikat serta penetapan harga saham tersebut.

Mula diperkenalkan dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2021 (Penglibatan dengan pihak berkepentingan), IR berfungsi untuk meneruskan penglibatan dan berkomunikasi dengan pihak berkepentingan untuk membina kepercayaan dan memupuk persefahaman antara syarikat dan pemegang kepentingannya.

Dengan menyediakan maklumat yang telus dan tepat mengenai prestasi kewangan, operasi dan prospek sesebuah syarikat, program IR yang berkesan membantu menggalakkan pendapat yang positif terhadap syarikat tersebut, seterusnya meningkatkan penilaian saham dan prestasi harga saham syarikat. Komunikasi yang jujur, terbuka dan tepat pada masanya adalah prasyarat (walaupun sewaktu perkembangan tidak begitu menggalakkan), maka pemegang saham yang sedia ada dan berpotensi boleh membentuk pandangan termaklum dengan cara yang betul tentang prestasi syarikat itu.

Pasukan IR menyelia fungsi seperti menyelaraskan mesyuarat pemegang saham dan sidang akhbar, menghebahkan angka kewangan, memudahkan taklimat penganalisis, menganjurkan hari pelabur dan jerayawara, menerbitkan pemfailan korporat serta mengurus jangkaan pelabur.

Matlamat IR lain termasuklah:

- Mewujudkan dan melaksanakan rancangan komunikasi yang berkesan untuk membentangkan prestasi kewangan dan potensi pertumbuhan syarikat
- Menghasilkan laporan tahunan, slaid pembentangan dan siaran akhbar
- Menyediakan data kewangan dan bukan kewangan kepada bakal pelabur untuk mempromosikan nilai PLC
- Memastikan semua maklumat kewangan boleh diakses dan mematuhi undang-undang yang berkaitan
- Melaporkan kepada eksekutif syarikat, iaitu CEO dan Ketua Pegawai Kewangan (*Chief Financial Officer, CFO*) tentang komunikasi pasukan IR dan maklum balas daripada komuniti pelabur/ pelaburan.

IR dalaman atau IR yang disumber luar?

Adakah lebih baik jika mempunyai pasukan IR dalaman atau menyumber luar perkhidmatan IR kepada firma luar? Mungkin tiada jawapan yang sesuai yang boleh diterima pakai untuk semua syarikat.

Kita perlu mempertimbangkan jenis industri PLC tersebut, saiz perniagaannya, jangkauan yang diperlukan serta pelbagai faktor lain termasuk kekangan belanjawan.

Antara hujah yang memihak kepada profesional IR dalaman ialah mereka mengetahui urusan syarikat dari luar dan dalam dan mereka juga sudah biasa dengan fungsi-fungsi dalaman PLC. Ini akan melancarkan aliran maklumat, justeru memendekkan masa untuk membuat keputusan.

Sebaliknya, profesional atau agensi IR luar mungkin mempunyai lebih ramai kakitangan sokongan yang menawarkan pelbagai kepakaran. PLC boleh memanfaatkan rangkaian hubungan dalam komuniti pelaburan yang lebih besar untuk mencapai jangkauan yang lebih meluas dengan program IR mereka pada peringkat awal lagi.

Apabila memilih agensi atau pengamal IR luar, mereka perlulah terlebih dahulu mengukur kepakaran dan pengalaman individu atau pasukan yang mengurus akaun mereka.

Antara lain, kita perlu melihat sama ada mereka sepadan dengan syarikat dari segi budaya dan visi serta mempertimbangkan sejauh mana pasukan IR luar boleh bekerja dengan kakitangan pengurusan dan dalaman.

Selain itu, kos yang berkaitan keseluruhan belanjawan IR tahunan serta perbelanjaan bulanan juga perlu dipertimbangkan kerana ia memainkan peranan yang penting sebelum membuat keputusan untuk menggunakan agensi IR.

Aspek-aspek lain yang menjadi faktor penentu kewajaran menggunakan IR luar adalah seperti pelaporan kepada pihak pengurusan, pengumpulan dana serta capaian umum dalam kalangan komuniti pelaburan.

Namun yang paling penting, pihak pengurusan perlu memahami cara agensi berfungsi, gaya dan kekerapan pelaporan mereka, hasil yang akan diserahkan kepada PLC serta batasan yang perlu dipatuhi sebelum memutuskan sama ada inilah pilihan terbaik untuk PLC berkenaan.

Satu lagi aspek yang perlu dipertimbangkan apabila memilih fungsi IR luar ialah perancangan penggantian atau kesinambungan pasukan atau individu yang akan memberikan perkhidmatan kepada pelanggan.

Bayangkan situasi ini, jika orang penting ini meninggalkan agensi berkenaan, adakah agensi mampu mempertahankan standard perkhidmatan seperti yang sedia ada? Adakah pengurus akaun baharu dapat memenuhi jangkaan pelanggan? Adakah mereka dapat memberikan perkhidmatan yang setanding dengan pengurus akaun terdahulu yang telah berkhidmat selama bertahun-tahun malah sudah mengenali pelanggan serta operasi perniagaan mereka, dari luar dan dalam?

Inisiatif IR oleh Bursa Malaysia

Selama bertahun-tahun, kita telah menyaksikan Bursa Malaysia melaksanakan inisiatif penting untuk meningkatkan amalan-amalan terbaik dari aspek IR.

Pada 28 Mac 2022, Bursa Malaysia melancarkan Skim Insentif Penyelidikan Bursa (*Bursa Research Incentive Scheme*, Bursa RISE), yang bertujuan meningkatkan kelajuan pergerakan dagangan dan profil korporat PLC yang mengambil bahagian melalui liputan penyelidikan dan aktiviti pemasaran.

Bursa RISE dilaksanakan oleh firma penyelidikan berlesen dan program ini bermatlamat mewujudkan penghayatan yang lebih baik terhadap asas-asas PLC, sekali gus membawa kepada pengiktirafan nilai yang lebih baik terhadap PLC. Laporan penyelidikan yang dihasilkan di bawah Bursa RISE boleh didapati di <https://www.bursamarketplace.com>.

Program ini juga merangkumkan Program Insentif IR dan Perhubungan Awam (*public relations*, PR) yang menyediakan sokongan IR dan PR kepada PLC yang mengambil bahagian dengan tujuan menggalakkan penglibatan yang lebih baik dan berkesan dengan pihak berkepentingan, pemegang saham, komuniti pelaburan, media dan orang ramai.

Pada dasarnya, Bursa RISE melengkapkan dan menyokong program transformasi PLC yang dianjurkan oleh bursa, yang bertujuan menggalakkan PLC supaya lebih telus dalam penzahiran maklumat dan prestasi mereka. Ini sekali gus memberikan pelabur pemerhatian yang lebih baik bagi memudahkan proses membuat keputusan pelaburan termaklum.

Dengan adanya inisiatif ini, Bursa Malaysia sebelum ini berkata prestasi harga saham bagi 60 PLC terpilih yang mengambil bahagian telah bertambah baik berikutan peningkatan penyelidikan dan pemprofilan, walaupun dalam kesuraman pasaran.

Secara lebih luas, inisiatif Bursa RISE mungkin berakar umbi daripada Skim Penyelidikan Syarikat Modal Pertengahan dan Kecil (*Bursa Mid and Small Cap Research Scheme*, MidS), yang diumumkan pada Mei 2017 untuk merangsang bursa tempatan supaya lebih rancak dengan liputannya diperluaskan kepada 300 PLC bersaiz kecil hingga sederhana.

Pada mulanya, kira-kira 100 PLC dengan permodalan pasaran antara RM200 juta dan RM2 bilion telah dipilih untuk fasa pertama skim itu. Selain permodalan pasaran, pemilihan syarikat adalah berdasarkan kecairan saham dan syarat apungan bebas sekurang-kurangnya 15%.

Setiap syarikat yang layak kemudiannya diletakkan di bawah pemerhatian dua firma penyelidikan selama dua tahun, yang mana sebuah laporan permulaan dan sekurang-kurangnya empat laporan keputusan kewangan akan dikeluarkan kepada pelabur. Skim ini melibatkan 22 firma penyelidikan.

Sempena pelancaran itu, dua indeks iaitu Indeks FTSE Bursa Malaysia MidS Cap dan Indeks Syariah FTSE Bursa Malaysia MidS Cap, telah diperkenalkan untuk menjelak prestasi saham bermodal kecil dan pertengahan.

Oleh Pasukan Pemantauan Korporat MSWG

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 31 Julai hingga 4 Ogos 2023

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
31.07.23 (Isnin) 10.00 pagi	Systech Berhad (AGM)	<p>Pendapatan keseluruhan Kumpulan meningkat 4% tahun ke tahun kepada RM23.2 juta (tahun kewangan 2022: RM22.4 juta) sebahagian besarnya disumbangkan oleh segmen penyelesaian CyberSecurity dan e-Logistik, mewakili Operasi Berterusan.</p> <p>Bagaimanapun, peningkatan itu sebahagiannya diimbangi oleh pendapatan yang lebih rendah daripada segmen penyelesaian e-Business (e-Perniagaan), yang kini merupakan Operasi Ditamatkan.</p> <p>Didorong oleh pendapatan yang lebih tinggi serta ketiadaan rosot nilai ke atas muhibah, Systech mencatatkan untung bersih berjumlah RM0.3 juta daripada Operasi Berterusan berbanding rugi bersih sebanyak RM5.9 juta pada tahun kewangan 2022.</p>
31.07.23 (Isnin) 11.30 pagi	Malaysian Bulk Carriers Berhad (EGM)	<p>EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan pelupusan Alam Kekal, sebuah kapal kargo pukal, oleh Kekal Shipping Pte Ltd, anak syarikat milik penuh tidak langsung Maybulk, kepada pihak ketiga yang tidak berkaitan yang akan dikenal pasti kemudian. Jumlah yang tepat untuk urus niaga ini juga akan ditentukan kemudian dan akan diselesaikan sepenuhnya secara tunai.</p> <p>Selepas pelupusan ini dimuktamadkan, Syarikat tidak akan menjana pendapatan atau manfaat daripada potensi keuntungan yang dikaitkan dengan Alam Kekal.</p>
02.08.23 (Rabu) 10.00 pagi	Datasonic Group Berhad (AGM)	Memanfaatkan kesan pemulihan yang lama tertangguh akibat pandemik Covid-19, Datasonic

		<p>mencatatkan keuntungan yang kukuh yang boleh diagihkan kepada pemilik Kumpulan berjumlah RM76.4 juta bagi tahun kewangan 2023.</p> <p>Lonjakan ini adalah 7.5 kali ganda daripada RM10.2 juta yang dicapai pada tahun sebelumnya. Melihat prestasi barisan atas, pendapatan tahun kewangan 2023 meningkat 152.7% tahun ke tahun kepada paras tertinggi sepanjang masa sebanyak RM344.7 juta.</p>
02.08.23 (Rabu) 03.00 petang	Ahmad Zaki Resources Berhad (EGM)	Syarikat mencadangkan penepian hak preemptif berkanun pemegang saham untuk ditawarkan dengan saham baharu yang timbul daripada apa-apa penerbitan Saham Penempatan menurut Seksyen 85 Akta Syarikat, 2016 yang dibaca bersama-sama Klausu 62 daripada Perlembagaan Syarikat.

Perkara penting untuk diketengahkan:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
Systech Berhad (AGM)	<p>Organisasi memerlukan CyberSecurity (Keselamatan Siber) untuk memastikan keselamatannya sewaktu peralihan ke platform digital dan ia perlu menerima pakai teknologi keselamatan baharu untuk menangani risiko yang berkaitan dengan peralihan tersebut. Satu peluang unik ialah dengan menerapkan teknologi baharu, seperti Kecerdasan Buatan (<i>Artificial Intelligence, AI</i>) sebagai platform seterusnya dalam penyelesaian Keselamatan Siber. (Halaman 9, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Sejauh manakah kesediaan Kumpulan dari segi penyediaan penyelesaian CyberSecurity dengan penerapan teknologi baharu seperti Kecerdasan Buatan ini?</p>
Malaysian Bulk Carriers Berhad (EGM)	<p>MBC, melalui anak syarikat milik penuh tidak langsungnya iaitu Kekal Shipping Pte Ltd, telah mengenal pasti sebuah kapal kargo pukal Alam Kekal yang dipertimbangkan untuk dilupuskan kepada pihak ketiga yang tidak berkaitan. Jumlah khusus untuk harga pelupusan ini akan ditentukan kemudian dan akan dipenuhi sepenuhnya secara tunai. Sebaik sahaja pelupusan kapal kargo pukal ini selesai, Syarikat tidak lagi mempunyai sumber pendapatan dan sumbangan keuntungan yang berpotensi daripada Alam Kekal pada masa hadapan (Halaman 9, Pekeliling MBC 2023).</p> <p>a) Memandangkan kapal kargo pukal ini menyumbang kira-kira 26% kepada pendapatan Syarikat pada tahun kewangan berakhir 2022, bagaimanakah Syarikat</p>

	<p>merancang untuk menangani potensi kehilangan pendapatan akibat pelupusan yang dicadangkan itu?</p> <p>b) Bagaimanakah Syarikat merancang untuk mengekalkan kelebihan daya saingnya berbanding syarikat-syarikat lain dalam menghadapi penurunan kadar sewa untuk kapal pukal kering serta pengurangan bilangan kapal kargo pukal yang dimiliki oleh Syarikat?</p>
Datasonic Group Berhad (AGM)	<p>“Berikut pelbagai kontrak yang diperoleh pada penghujung tahun kewangan 2023, buku pesanan Datasonic berjumlah RM339 juta, menjanjikan prospek yang menguntungkan pada tahun kewangan akan datang.” (Halaman 39, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Berapa lamakah buku pesanan berjumlah RM339 juta itu dijangka bertahan?</p> <p>b) Berapakah jumlah buku pesanan yang diperoleh pada tahun kewangan 2023?</p> <p>c) Berapakah penambahan buku pesanan yang disasarkan untuk tahun kewangan 2024?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (clint.loh@mswg.org.my)

Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, (nuramirah@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
-

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.